



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 76  
No. 28

**20hb Julai 2023**

*TAMBAHAN No. 2  
ENAKMEN*

---

Enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 23 Mei 2023 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada 12 Jun 2023 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactment passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 23 May 2023 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak Darul Ridzuan on 12 June 2023 is published for general information:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen 17	Enakmen Hotel Perak 2023
Enactment 17	Perak Hotels Enactment 2023





# **UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK**

**Enakmen 17**

**ENAKMEN HOTEL PERAK 2023**

Tarikh Perkenan Diraja        ...        12 Jun 2023

Tarikh penyiaran dalam *Warta*        ...        20 Julai 2023

**UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK****Enakmen 17****ENAKMEN HOTEL PERAK 2023**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN****Seksyen**

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II  
PELESENAN**

3. Pelesenan hotel
4. Permohonan untuk mendapatkan lesen
5. Dokumen dan maklumat yang diperlukan
6. Tempoh dan pembaharuan lesen
7. Lesen hotel dan lesen lain
8. Lesen sementara
9. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
10. Deposit
11. Kuasa mengenakan fi, caj perkhidmatan tempatan, dsb.
12. Pemindahan lesen
13. Penggantungan atau pembatalan lesen
14. Rayuan

**BAHAGIAN III**  
**PENGUATKUASAAN**

Seksyen

15. Kuasa untuk menyiasat
16. Penggeledahan dengan waran
17. Kuasa untuk menutup hotel
18. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
19. Senarai benda yang disita
20. Pelucuthakan
21. Benda atau barang yang cepat rosak secara semula jadi
22. Halangan, dsb.

**BAHAGIAN IV**  
**PELBAGAI**

23. Kesalahan oleh pekhidmat atau ejen
24. Kesalahan oleh perbadanan
25. Penalti am
26. Pemakaian Kanun Tatacara Jenayah
27. Pendakwaan
28. Pengkompaunan kesalahan
29. Wang hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang
30. Kuasa pegawai polis
31. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan, dsb.

**BAHAGIAN V**  
**PEMANSUHAN DAN PERALIHAN**

32. Pemansuhan dan peralihan

## UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

### Enakmen 17

#### ENAKMEN HOTEL PERAK 2023

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
*Sultan Perak*

12 Jun 2023

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalan hotel di Negeri Perak Darul Ridzuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Hotel Perak 2023.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarannya dalam *Warta* dan terpakai bagi seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“caj perkhidmatan tempatan” ertiannya caj yang ditetapkan bagi setiap jenis tumpangan, pemalaman atau perlindungan di hotel;

“Datuk Bandar” ertinya orang yang pada masa ini menjalankan kewajipan jawatan Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandaraya dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Datuk Bandar;

“Enakmen ini” termasuklah peraturan-peraturan dan undang-undang subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen ini;

“hotel” ertinya mana-mana premis—

- (a) di mana orang diberi tempat menumpang, bermalam atau berlindung untuk apa-apa jenis sewa atau ganjaran bagi apa-apa jua tempoh dan masa;
- (b) di mana bilik-bilik dilengkapi oleh pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus premis itu untuk kegunaan domestik bagi orang yang diberi tempat menumpang, bermalam atau berlindung itu; atau
- (c) termasuklah asrama, motel, rumah tumpangan, rumah pemalam, rumah tetamu, rumah bot, *homestay*, tapak perkhemahan atau kenderaan yang digunakan sebagai tempat menginap yang berbayar;

tetapi tidaklah termasuk—

- (aa) mana-mana premis di mana aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) sedang dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- (bb) mana-mana kemudahan jagaan kesihatan persendirian, pusat jagaan kanak-kanak atau pusat jagaan yang penubuhan atau pengendaliannya dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;
- (cc) mana-mana asrama atau tempat tinggal yang ditubuhkan oleh atau bagi mana-mana pihak awam atau swasta yang dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;
- (dd) mana-mana premis yang disewakan atas dasar tuan rumah dan penyewa di bawah perjanjian penyewaan; atau
- (ee) mana-mana premis yang dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

“hotel berlesen” ertinya hotel yang berkenaan engannya suatu lesen di bawah Enakmen ini sedang berkuat kuasa;

“Kumpulan Wang Disatukan Negeri” ertinya Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri ini;

“lesen” ertinya lesen hotel yang diberikan di bawah seksyen 4 atau lesen sementara yang diberikan di bawah seksyen 8;

“Mahkamah” ertinya mahkamah dengan bidang kuasa yang kompeten;

“orang” termasuklah sesuatu kumpulan orang, diperbadankan atau tak diperbadankan, sesuatu usaha sama atau amanah;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua atau Pihak Berkuasa Melesen yang berkenaan untuk menjalankan fungsi-fungsi orang yang diberi kuasa di bawah Enakmen ini;

“pemunya” ertinya tuan punya berdaftar bagi tanah atau premis dan hendaklah termasuk ejen, pemegang amanah dan wakil tuan punya yang sah di sisi undang-undang, pemegang pajak, pemegang pajak kecil dan mana-mana orang yang pada masa itu menyewa premis sama ada bagi dirinya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain;

“penghuni” ertinya orang yang menghuni premis yang berkenaan, atau yang bertanggungjawab bagi mengurus atau mengawal premis itu sama ada untuk dirinya sendiri atau sebagai ejen seseorang lain, tetapi tidaklah termasuk penginap;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha suatu pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk mengeluarkan lesen oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan;

“pihak berkuasa tempatan” ertinya mana-mana pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];

“Setiausaha” ertinya Ketua Pegawai Pentadbir pihak berkuasa tempatan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai yang pada masa ini menjalankan kewajipan Ketua Pegawai Pentadbir dengan sah di sisi undang-undang;

“syarat” atau “sekatan”, apabila digunakan berkaitan dengan lesen, ertinya sesuatu syarat atau sekatan yang dikenakan di bawah subseksyen 4(4); dan

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa ini menjalankan kewajipan jawatan Yang Dipertua suatu Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

## BAHAGIAN II

### PELESENAN

#### **Pelesenan hotel**

**3.** (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan hotel tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Enakmen ini.

(2) Tiada seorang pun boleh menguruskan suatu hotel melainkan jika hotel itu ialah suatu hotel berlesen.

(3) Bagi maksud Enakmen ini—

(a) seseorang yang merupakan pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus mana-mana premis yang digunakan sebagai hotel hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai mengendalikan hotel itu; dan

(b) mana-mana orang yang pada masa itu terlibat dalam pengurusan atau mengawal hotel itu hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai menguruskan hotel itu.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

#### **Permohonan untuk mendapatkan lesen**

**4.** (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen—

(a) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen dalam bentuk yang ditentukan olehnya; dan

(b) disertakan dengan keterangan bahawa pemohon telah daftarkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992

[Akta 482] dan telah mematuhi peruntukan undang-undang yang berkaitan.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh, mengikut budi bicaranya, memberikan lesen atau enggan untuk memberikan lesen kepada pemohon.

(3) Jika suatu permohonan bagi mendapatkan lesen dibenarkan, lesen itu hendaklah dikeluarkan apabila dibayar fi yang ditetapkan di bawah Enakmen ini.

(4) Sesuatu lesen itu boleh dikeluarkan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Melesen untuk dikenakan.

#### **Dokumen dan maklumat yang diperlukan**

**5.** Bagi maksud menimbangkan suatu permohonan untuk mendapatkan lesen, Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon mengemukakan kepadanya apa-apa dokumen atau memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang ditentukan olehnya.

#### **Tempoh dan pembaharuan lesen**

**6.** (1) Sesuatu lesen adalah sah selama apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen tidak kurang dua belas bulan dan tidak melebihi tiga puluh enam bulan.

(2) Segala pembaharuan lesen hendaklah dimohon sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tamat tempoh lesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh, mengikut budi bicaranya, memperbaharui sesuatu lesen atau enggan untuk memperbaharui sesuatu lesen.

#### **Lesen hotel dan lesen lain**

**7.** (1) Suatu lesen yang diberikan di bawah Enakmen ini boleh dikeluarkan bersama dengan mana-mana lesen lain yang pihak berkuasa berkenaan mempunyai kuasa untuk memberikan atau mengeluarkannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan hotel itu atau apa-apa aktiviti yang dijalankan di hotel atau bersama dengan hotel itu.

(2) Pembatalan lesen-lesen lain yang dikeluarkan di bawah undang-undang bertulis lain berkenaan dengan hotel itu atau apa-apa aktiviti yang dijalankan di hotel atau bersama dengan hotel itu tidak memberi kesan kepada keabsahan lesen yang diberikan di bawah Enakmen ini.

**Lesen sementara**

**8.** (1) Sementara Pihak Berkuasa Melesen menimbangkan suatu permohonan untuk mendapat lesen di bawah seksyen 4, Pihak Berkuasa Melesen boleh jika berpuas hati bahawa pemohon itu telah memenuhi apa-apa syarat dan kehendak sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Pihak Berkuasa Melesen, mengeluarkan suatu lesen sementara kepada pemohon itu.

(2) Lesen sementara yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) adalah sah bagi tempoh enam bulan dan boleh dilanjutkan atas permohonan secara bertulis oleh pemohon selama tempoh sehingga tiga puluh enam bulan dari tarikh tempoh yang pertama dikeluarkan dan tidak boleh dimohon semula.

(3) Jika permohonan bagi mendapatkan suatu lesen di bawah seksyen 4 telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah subseksyen 4(2), lesen sementara itu adalah terbatal.

(4) Fi yang boleh dikenakan bagi sesuatu lesen sementara atau perlanjutannya hendaklah dua kali fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 4(3).

(5) Pemegang sesuatu lesen sementara mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama seperti seseorang pemegang lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini.

**Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan**

**9.** (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya dalam sebarang bentuk pada setiap masa mengikut cara yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dia dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai diberi kuasa.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

**Deposit**

**10.** (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh, sebelum mengeluarkan suatu lesen atau pada bila-bila masa selepas itu, menghendaki pemegang lesen itu membuat suatu deposit dalam apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan olehnya untuk memastikan bahawa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan Enakmen ini dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh melucutkhakkan keseluruhan atau sebahagian daripada deposit itu jika dia berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini.

(3) Pihak Berkuasa Melesen tidak boleh melucutkhakkan deposit itu melainkan jika pemegang lesen telah diberi peluang untuk didengar.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang pemegang lesen yang depositnya telah dilucutkhakkan di bawah subseksyen (2) daripada didakwa.

**Kuasa mengenakan fi, caj perkhidmatan tempatan, dsb.**

**11.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas nasihat Pihak Berkuasa Melesen, melalui pemberitahuan di dalam *Warta*, menetapkan fi, caj perkhidmatan tempatan atau bayaran yang perlu dibayar oleh pemegang lesen di bawah Enakmen ini dan bagi mana-mana orang yang menumpang, bermalam atau berlindung di hotel.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas nasihat Pihak Berkuasa Melesen, mengecualikan mana-mana orang atau kumpulan orang yang memohon secara bertulis, daripada semua atau sebahagian fi, caj perkhidmatan tempatan atau bayaran yang perlu dibayar dan boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan kaedah pembayaran fi, caj perkhidmatan tempatan atau bayaran yang perlu dibayar di bawah subseksyen (1).

**Pemindahan lesen**

**12.** Tiada pemegang lesen boleh memindahkan lesennya kepada mana-mana orang lain tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

**Pengantungan atau pembatalan lesen**

**13.** (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa mengantung atau membatalkan lesen yang diberikan di bawah Enakmen ini jika telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana undang-undang yang berkaitan.

(2) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberitahu pemegang lesen sesuatu hotel berlesen tentang penggantungan atau pembatalan leseninya—

- (a) dengan menampalkan suatu salinan notis itu di tempat yang mudah dilihat di premis hotel berlesen itu;
- (b) dengan menyampaikan suatu salinan notis itu kepada orang yang mengurus atau mengawal hotel berlesen itu; atau
- (c) dengan menyampaikan suatu salinan notis kepada pemegang lesen sendiri jika pemegang lesen itu bukan orang yang dinyatakan dalam perenggan (b).

(3) Mana-mana orang yang mengendalikan atau menguruskan sesuatu hotel semasa tempoh lesen yang diberikan berkenaan dengan hotel itu telah digantung, melakukan suatu kesalahan.

### **Rayuan**

**14. (1)** Seseorang yang terkilan—

- (a) dengan keengganan Pihak Berkuasa Melesen untuk memberikan lesen kepadanya atau memperbaharui leseninya;
- (b) dengan pembatalan atau penggantungan leseninya;
- (c) dengan pengenaan apa-apa syarat atau sekatan berkenaan dengan lesen yang diberikan kepadanya; atau
- (d) dengan pelucuthakan deposit di bawah seksyen 10,

boleh, dalam tempoh tiga puluh hari selepas diberitahu secara bertulis tentang keengganan atau pembatalan itu, atau pengenaan syarat atau sekatan itu, atau pelucuthakan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, merayu terhadap keputusan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Pihak Berkuasa Negeri selepas menimbangkan rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (1), boleh mengesahkan atau mengetepikan keputusan yang terhadapnya rayuan itu dibuat, dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri itu adalah muktamad.

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi seseorang pemegang lesen sementara.

**BAHAGIAN III**  
**PENGUATKUASAAN**

**Kuasa untuk menyiasat**

**15.** Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menyiasat dengan sewajarnya apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

**Pengeledahan dengan waran**

**16.** (1) Jika pada hemat seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan atau sedang dilakukan di mana-mana hotel atau premis atau berkenaan dengan mana-mana hotel atau premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang dinamakan dalamnya, untuk masuk ke dalam premis itu dengan apa-apa bantuan yang mungkin diperlukan, dan jika perlu, dengan kekerasan.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh, di dalam premis yang dimasuki di bawah subseksyen (1), memeriksa—

- (a) apa-apa buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, yang mengandungi atau yang semunasabahnya disyaki mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan; dan
- (b) apa-apa tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, dokumen, butiran, benda atau barang yang semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu, dan boleh menyita mana-mana buku, akaun, dokumen atau data itu atau apa-apa salinan buku, akaun, dokumen atau data itu atau mana-mana tanda, papan tanda, kad, surat, risalah, butiran, benda atau barang itu.

(3) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, jika pada pendapatnya adalah semunasabahnya perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada dalam atau di premis itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor memeriksa seseorang di bawah subseksyen (3) boleh menyita atau mengambil milik apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang dijumpai pada orang itu bagi maksud penyiasatan yang dijalankan oleh pegawai itu.

(5) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau jumlahnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang disita di bawah seksyen ini, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang membuat penyitaan itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak buku, akaun, dokumen, benda atau barang itu dalam premis atau bekas di mana barang itu dijumpai.

(6) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (5) atau memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian, melakukan suatu kesalahan.

### **Kuasa untuk menutup hotel**

**17.** (1) Tanpa menjaskan penjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 15 dan 16, Pihak Berkuasa Melesen boleh menutup mana-mana hotel berlesen bagi apa-apa tempoh yang ditentukannya selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar jika Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini; atau
- (b) penutupan itu perlu bagi kepentingan awam, ketenteraman awam atau kesihatan awam.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menutup mana-mana hotel jika dia berpuas hati bahawa hotel itu beroperasi tanpa lesen yang sah.

(3) Datuk Bandar, Yang Dipertua atau Setiausaha boleh mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2) kepada suatu jawatankuasa yang dilantik olehnya.

(4) Jawatankuasa yang dilantik di bawah subseksyen (3) hendaklah tidak menjalankan kuasa untuk menutup mana-mana hotel di bawah subseksyen (1) dan (2) kecuali dengan keputusan majoriti jawatankuasa itu.

(5) Jika suatu hotel berlesen ditutup di bawah subseksyen (1), lesen yang dengannya hotel itu beroperasi hendaklah disifatkan digantung dalam tempoh penutupan itu dan subseksyen 13(3) hendaklah terpakai.

(6) Semasa tempoh penutupan yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(a), pemegang lesen hotel itu hendaklah mengambil langkah untuk memastikan bahawa semua syarat dan sekatan lesen dan peruntukan Enakmen ini dipatuhi.

(7) Jika sehingga akhir tempoh penutupan, pemegang lesen masih gagal untuk mematuhi mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau mana-mana peruntukan Enakmen ini, lesennya hendaklah dibatalkan.

### **Kuasa untuk masuk dan memeriksa**

**18.** (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh pada bila-bila masa, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Enakmen ini dipatuhi,

- (a) memasuki mana-mana hotel atau premis yang menjalankan aktiviti di bawah Enakmen ini; dan
- (b) menjalankan apa-apa pemeriksaan atau penyiasatan di hotel atau premis itu.

(2) Mana-mana orang yang dengan sengaja menghalang kemasukan mana-mana orang yang diberi kuasa atau dibenarkan di bawah subseksyen (1) untuk masuk ke dalam mana-mana hotel, premis atau bangunan adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Senarai benda yang disita**

**19.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang disita di bawah seksyen 16, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita itu dan dengan serta-merta menyerahkan sesalinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen atau penghuni yang premisnya telah digeledah, atau kepada ejen atau pekhidmat pemegang lesen atau penghuni itu, di hotel atau premis itu.

(2) Jika premis itu tidak berpenghuni, pegawai yang diberi kuasa yang menyita itu hendaklah apabila mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di hotel atau premis itu.

**Pelucuthakan**

**20.** (1) Semua buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang disita di bawah Enakmen ini boleh dilucuthakkan.

(2) Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini telah diadakan, hendaklah memerintahkan pelucuthakan mana-mana buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang disita berkaitan dengan kesalahan itu jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini telah dilakukan dan bahawa buku, akaun, dokumen, benda atau barang itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika dibuktikan hingga Mahkamah berpuas hati bahawa tiada kesalahan terhadap mana-mana peruntukan di bawah Enakmen ini telah dilakukan atau bahawa kesalahan itu telah dilakukan tetapi buku, akaun, dokumen, benda atau barang itu bukanlah hal perkara bagi atau telah tidak digunakan dalam melakukan kesalahan itu, Mahkamah itu boleh memerintahkan pelepasannya.

(4) Jika tiada pendakwaan dilakukan, apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang disita dalam menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini, buku, akaun, dokumen, benda atau barang itu hendaklah diambil dan disifatkan telah dilucuthakkan setelah tamat tempoh dua minggu dari tarikh penyitaannya melainkan suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tempoh dua minggu itu habis mengikut cara yang diperuntukkan dalam subseksyen (5).

(5) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia adalah pemunya mana-mana buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang disita di bawah Enakmen ini dan bahawa buku, akaun, dokumen, benda atau barang itu tidak boleh dilucuthakkan, boleh dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis olehnya, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkusa Melesen atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor mengenai tuntutannya.

(6) Apabila diterima suatu notis di bawah subseksyen (5), Pihak Berkusa Melesen atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor hendaklah, selepas apa-apa siasatan yang perlu, mengarahkan supaya buku, akaun, dokumen, benda atau barang itu dilepaskan atau merujukkan kes itu kepada Mahkamah bagi keputusannya.

(7) Mahkamah yang kepadanya kes itu dirujuk hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia adalah pemunya buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang disita itu dan orang yang daripadanya buku, akaun, dokumen, benda atau barang itu disita hadir di hadapannya dan apabila dia hadir atau ingkar untuk hadir, setelah penyampaian wajar saman dibuktikan, Mahkamah itu hendaklah terus memeriksa kes itu dan apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Enakmen ini dan bahawa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang disita itu merupakan hal perkara atau telah digunakan dalam perlakuan kesalahan itu, hendaklah memerintahkan supaya buku, akaun, dokumen, benda atau barang itu dilucutahkan atau, jika tiada bukti sedemikian, hendaklah memerintahkan supaya buku, akaun, dokumen, benda atau barang itu dilepaskan kepada orang yang berhak kepadanya.

(8) Semua buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang dilucutahkan di bawah subseksyen (2) atau (4) hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis dan hendaklah melupuskannya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan sesuai.

**Benda atau barang yang cepat rosak secara semula jadi**

**21.** (1) Walau apa pun seksyen 20, jika apa-apa benda atau barang yang disita dalam melaksanakan kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini adalah daripada jenis yang mudah musnah atau yang cepat rosak secara semula jadi atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai menyebabkan halangan atau membahayakan orang ramai, Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan atau dijual pada bila-bila masa dan seksyen 20 hendaklah terpakai bagi hasil jualan itu.

(2) Pihak Berkuasa Melesen tidaklah bertanggungan kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Enakmen ini.

**Halangan, dsb.**

**22.** Seseorang yang—

- (a) menyerang, menghalang, menyusahkan atau melengahkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis yang melaksanakan kewajipannya di bawah Enakmen ini;

- (b) tidak mematuhi apa-apa permintaan, notis, perintah atau kehendak yang dibuat secara wajar kepadanya oleh Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis dalam pelaksanaan kewajipannya di bawah Enakmen ini;
- (c) enggan memberi Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis akses kepada mana-mana premis, atau tidak akur kepada pemeriksaan oleh seseorang yang diberi kuasa untuk memeriksanya di bawah Enakmen ini;
- (d) tidak, enggan atau abai untuk memberi Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis apa-apa maklumat yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya;
- (e) memberikan maklumat yang palsu, tidak benar atau yang mengelirukan kepada Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis; atau
- (f) tidak mengemukakan kepada, atau menyembunyikan atau cuba menyembunyikan daripada, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai polis apa-apa buku, akaun, dokumen, benda atau barang yang pegawai itu ada alasan yang munasabah untuk mengesyaki hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini atau yang boleh disita di bawah Enakmen ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

#### BAHAGIAN IV

##### PELBAGAI

##### **Kesalahan oleh pekhidmat atau ejen**

**23.** Jika sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan oleh mana-mana pekhidmat atau ejen mana-mana pemegang lesen, atau oleh mana-mana pekhidmat atau ejen pemunya atau penghuni sesuatu hotel yang tidak berlesen, maka pemegang lesen, pemunya atau penghuni itu hendaklah disifatkan telah juga melakukan kesalahan itu melainkan, setelah mengambil kira segala hal keadaan, dia membuktikan—

- (a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau keizinannya; dan

- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

**Kesalahan oleh perbadanan**

**24.** Jika sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan oleh suatu perbadanan, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang ahli lembaga pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai yang memegang suatu jawatan atau suatu kedudukan yang serupa dengan jawatan pengurus atau setiausaha perbadanan itu hendaklah disifatkan telah juga melakukan kesalahan itu dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman yang sama dengan hukuman bagi kesalahan itu.

**Penalti am**

**25.** Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan di bawahnya yang baginya tiada diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan di denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan hendaklah sebagai tambahan di denda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan dilakukan.

**Pemakaian Kanun Tatacara Jenayah**

**26.** Peruntukan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] yang berhubungan dengan perkara-perkara yang tidak diliputi oleh Enakmen ini hendaklah terpakai setakat mana ia selaras dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, dan sekiranya ada apa-apa ketidakselarasan di antara peruntukan Enakmen ini dan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], peruntukan Enakmen ini hendaklah mengatasi.

**Pendakwaan**

**27.** Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan di bawahnya kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**Pengkompaunan kesalahan**

**28.** (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh dengan keizinan Pendakwa Raya mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini atau peraturan di bawahnya yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat satu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan

itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Pihak Berkuasa Melesen sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1) dan telah dibuat pembayaran, tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah seksyen ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kerajaan tempatan.

### **Wang hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang**

**29.** (1) Selain daripada caj perkhidmatan tempatan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memasukkan semua wang yang dipungut atau diterima dan semua deposit yang dilucuthakkan di bawah Enakmen ini ke dalam kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kerajaan tempatan dan wang atau deposit itu hendaklah menjadi sebahagian daripada kumpulan wang itu.

(2) Caj perkhidmatan tempatan yang dikutip hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri dan tertakluk kepada sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

### **Kuasa pegawai polis**

**30.** Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

**Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan, dsb.**

**31.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, bagi maksud menjalankan atau melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, membuat peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, perisytiharan, atau apa-apa perundangan subsidiari.

(2) Tanpa menjelaskan kluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, perisytiharan, atau apa-apa perundangan subsidiari itu boleh—

- (a) mengadakan peruntukan bagi tatacara pelesenan hotel, penggantungan dan pembatalan lesen yang diberikan di bawah Enakmen ini, borang yang digunakan dan fi yang dibayar berkenaan dengan lesen itu;
- (b) mengawal selia pengurusan dan kawalan hotel berlesen;
- (c) mengadakan peruntukan bagi pendaftaran orang yang menginap di hotel berlesen dan pelawat di dalam bilik mereka dan pekhidmat dan ejen hotel berlesen;
- (d) menetapkan kesalahan yang boleh dikompaunkan dan tatacara bagi pengkompaunan kesalahan itu;
- (e) mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan hotel berlesen dan kebersihannya;
- (f) menetapkan fi, caj perkhidmatan tempatan atau bayaran yang perlu dibayar di bawah Enakmen ini; dan
- (g) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang difikirkan suai manfaat atau perlu oleh pihak berkuasa tempatan bagi maksud Enakmen ini.

**BAHAGIAN V**  
**PEMANSUHAN DAN PERALIHAN****Pemansuhan dan peralihan**

**32.** (1) Enakmen Rumah Tumpangan 1927 [N.M.B. Bab 87] adalah dimansuhkan (“Enakmen dimansuhkan”).

(2) Semua peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, perisytiharan, atau apa-apa perundangan subsidiari, arahan, surat

pemberikuasaan dan lesen yang dibuat, dikeluarkan atau diberikan di bawah Enakmen dimansuhkan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, perisytiharan atau apa-apa perundangan subsidiari, arahan, surat pemberikuasaan dan lesen yang dibuat di bawah Enakmen ini.

Diluluskan pada 23 Mei 2023  
[SUK.PK.(BKT)(R) 600-20/3/7(17);  
PU.Pk. 2/2023]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH  
*Setiausaha Dewan Negeri*  
*Perak Darul Ridzuan*



# **LAWS OF THE STATE OF PERAK**

**Enactment 17**

